

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN**

**DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil kajian terkini mengikut bidang-bidang kajian yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihanraya (ERC) terhadap sistem pilihan raya di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau *Electoral Reform Committee* (ERC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji sistem, proses serta undang-undang pilihan raya sedia ada. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan pada masa akan datang adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.
2. Berdasarkan terma rujukan, ERC sedang menyediakan kerangka laporan awal bagi setiap bidang kajian yang melibatkan cadangan-cadangan untuk menambah baik sistem dan undang-undang pilihan raya. Antara kajian yang dijalankan adalah seperti yang berikut:

**(a) Sistem Pilihan Raya**

ERC mengkaji kesesuaian penggunaan sistem-sistem, sama ada *plurality*, *majority* ataupun *mixed system* untuk diguna pakai di peringkat pemilihan wakil rakyat di peringkat Persekutuan dan Negeri.

**(b) Persempadanan Bahagian Pilihan Raya**

ERC mengkaji kesesuaian diwujudkan sebuah badan khusus dan berasingan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya.

**(c) Pendaftaran Pemilih**

ERC mengambil maklum tentang pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penurunan had umur kelayakan untuk mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun serta urusan pendaftaran secara automatik. Namun begitu, terdapat beberapa lagi aspek kebaikan berkaitan dengan urusan pendaftaran pengundi yang sedang dikaji dan dipertimbangkan sebelum dikemukakan kepada Kerajaan.

**(d) Penjalanan Pilihan Raya**

ERC membuat kajian untuk mewujudkan perubahan yang signifikan dalam urusan penjalanan pilihan raya. Antaranya:

**i. Penamaan Calon**

ERC mengkaji tentang tempoh tertentu bagi urusan penamaan calon disamping membolehkan pencalonan dikemukakan melalui senarai parti. Selain itu, ERC turut mengkaji kemungkinan penggunaan teknologi seperti penghantaran kertas penamaan secara atas talian.

**ii. Kempen Pilihan Raya**

ERC sedang mempertimbangkan cadangan untuk mengawal penggunaan poster dan bahan kempen

semasa pilihan raya. Selain itu, ERC turut mengkaji cadangan mengadakan tempoh bertenang yang sesuai sebelum Hari Pengundian.

**iii. Penguatkuasaan Undang-Undang**

ERC sedang mengkaji cadangan untuk menyediakan Tata Etika atau *Code of Conduct* bagi memastikan semua parti politik mendapat ruang yang cukup dan adil dalam kempen pilihan raya mereka. ERC juga sedang mempertimbangkan untuk mencadangkan agar SPR diberikan kuasa yang optimum untuk mengawal dan menguatkuasakan undang-undang khususnya semasa urusan kempen pilihan raya.

**iv. Pengundian**

ERC berpandangan bahawa ruang dan peluang yang luas perlu disediakan bagi memastikan warganegara yang layak dapat mengundi. ERC sedang mengkaji pelaksanaan kaedah 'Pengundian Khas' atau '*Special Voting*'. Melalui kaedah ini nanti warganegara, khususnya yang mempunyai keterbatasan untuk keluar mengundi sebelum ini, bakal mendapat peluang untuk mengundi.

**v. Pengiraan Undi**

ERC sedang mengkaji kaedah untuk mempercepatkan urusan pengiraan undi. Ia akan memastikan proses kiraan undi bukan setakat dilaksanakan dengan telus, tetapi lebih cepat dan efisien.

**vi. Pengumuman Keputusan**

ERC sedang mengkaji kaedah supaya keputusan pilihan raya dapat diumumkan dengan kadar segera dan dapat diterima oleh majoriti rakyat.

**vii. Petisyen Pilihan Raya**

ERC sedang mengkaji untuk memantapkan perundangan dan kaedah berkaitan petisyen pilihan raya.

**(e) Pembiayaan Politik**

Selain pembiayaan oleh individu dan korporat, ERC turut mengkaji kemungkinan parti politik menerima pembiayaan oleh Kerajaan atau lebih dikenali sebagai *State Funding*.

**(f) Kerajaan Sementara**

Bagi memastikan terdapat pengurusan pilihan raya yang adil, peranan '*Caretaker Government*' perlu diperjelas dan diperkemaskan. ERC sedang mengkaji pelaksanaan peraturan yang wujud di negara-negara luar dan tidak menolak kemungkinan untuk mencadangkan garis panduan bertulis atau '*written convention*' mahupun mewujudkan '*Cabinet Manual*' seperti yang diamalkan di UK. Pelaksanaannya dapat memastikan wujudnya '*level playing field*' dalam urusan pilihan raya.

**(g) Kebebasan Media**

ERC sedang mengkaji kerangka perundangan tentang kebebasan media dalam musim pilihan raya. ERC akan cuba memastikan bahawa semua parti politik yang bertanding mempunyai ruang yang cukup untuk berkempen melalui media dan rakyat juga mempunyai akses yang luas untuk mendapatkan maklumat berhubung parti, calon dan urusan pilihan raya.

**(h) Pendidikan Pengundi**

ERC berpandangan bahawa semua perubahan yang dilakukan tidak akan memberikan impak yang baik sekiranya kadar literasi dan kesedaran tentang urusan pilihan raya, demokrasi dan politik di kalangan rakyat negara ini masih di tahap yang rendah. ERC sedang mengkaji beberapa strategi yang boleh digunakan

untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat supaya mereka menjadi pengundi yang berinformasi atau *well-informed voters* serta dapat melaksanakan tanggungjawab mereka secara matang.

**(i) Badan Pengurusan Pilihan Raya**

Antara perkara besar yang sedang dipertimbangkan adalah untuk menstrukturkan kembali SPR bagi mewujudkan badan-badan pengurusan pilihan raya yang bukan sahaja adil dan telus, tetapi juga cekap dan professional dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Antara perkara yang sedang dipertimbangkan oleh ERC adalah untuk mengeluarkan fungsi persempadanan daripada SPR dan menambah beberapa fungsi lain kepada SPR seperti fungsi mendaftarkan parti politik dan penguatkuasa kepada undang-undang pilihan raya. Selain struktur dan fungsi, ERC juga sedang menyediakan kaedah kaedah pelantikan kepada anggota badan-badan pengurusan pilihan raya ini.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini ERC sedang dalam proses membuat analisis terhadap hasil dapatan daripada kajian-kajian setiap kluster dan maklum balas daripada program-program libat urus yang telah dilaksanakan. Kesemua hasil dapatan akan dimuatkan ke dalam Laporan Awal (*interim report*) yang dijadualkan untuk diserahkan kepada Kerajaan pada sebelum akhir Disember 2019.

4. Selain itu, bagi tujuan memastikan cadangan yang dikemukakan adalah praktikal dan bersesuaian untuk dilaksanakan di negara ini, ERC memerlukan masa untuk menyediakan usul dan cadangan yang akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Sehubungan dengan itu, ERC merasakan bahawa buat masa ini, masih terlalu awal untuk ERC memaklumkan perincian cadangan atau dapatan terhadap kajian yang sedang dijalankan dan kesemua hasil kajian dan cadangan penambahbaikan ini hanya akan dapat diketahui sebaik sahaja laporan akhir disediakan pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.